

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Hanya gen varian tertentu akan lalui proses mutasi

## Virus berevolusi hingga capai tahap keseimbangan, sesuaikan dengan badan manusia

Oleh Tuty Harvanti  
Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bukan keseluruhan gen varian COVID-19 yang akan bermutasi selagi belum mencapai tahap keseimbangan.

Pakar Virologi dari Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, virus itu akan terus berada bersama manusia selagi ia belum stabil dan akan melalui proses mutasi seterusnya.

Namun, katanya, hanya gen varian COVID-19 tertentu sahaja yang bermutasi sehingga mencapai tahap keseimbangan satu masa nanti.

"Virus mengikut evolusi, ia akhirnya akan menjadi virus yang lebih jinak dan tidak beri kesan yang lebih tinggi. Sebagai contoh jika lihat varian Delta dahulu, ia makin lama makin menyesuaikan diri dengan manusia, jadi jika ikut revolusi virus, badan manusia banyak dan bermacam-macam virus.

"Tetapi evolusi ia pada asal memang ia amat ganas tetapi akhirnya akan melemahkan diri dan disesuaikan dengan badan manusia dan selagi belum sampai tahap kestabilan ia akan terus bermutasi," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata, manusia sudah biasa hidup dengan virus dan sistem imunologi yang dibangunkan setiap kali mendapat jangkitan akan melindungi daripada jangkitan lebih teruk.

"Seperti selesema yang biasa kena berulang kali dan bergejala antara tiga empat hari sahaja. Tetapi bagi yang kurang bernasib baik kerana ada risiko lain, ia boleh menyebabkan kematian tetapi sangat rendah," katanya.

Justeru, beliau berharap orang ramai terus memakai pelitup muka dan menggunakan ceair pembasmi kuman jika bergejala kerana ia adalah langkah paling penting yang perlu dilakukan ketika ini dalam usaha mengurangkan jangkitan COVID-19 berulang.

Ini kerana, katanya, ketika ini ramai yang sudah tidak memakai pelitup muka terutama mereka yang bergejala seperti pening kepala, selesema dan batuk.

Katanya, mereka yang bergejala juga sepatutnya menghindari kawasan yang ramai orang kerana ia memudahkan lagi jangkitan.

"Jika rasa tidak sihat sentiasa memakai pelitup muka supaya dapat menjaga juga kesihatan ahli keluarga kerana kebanyakan kes sekarang ini berlaku di ka-

langan ahli keluarga atau di tempat kerja.

"Selain itu, untuk Solat Jumaat, mereka yang bergejala juga tidak digalakkan berada di dalam masjid bagi mengelak penularan.

"Ini penting supaya dapat juga melindungi jemaah lain di dalam kawasan bertutup sedemikian," katanya.

Sazaly berkata, bagi mereka yang masih belum mendapatkan suntikan dos penggalak, perlu berbuat demikian segera terutama mereka tidak pernah dijangkiti COVID-19.

Selain itu berikutan cuti persekolahan hampir tiba, beliau turut menasihati orang ramai supaya dalam keadaan sekarang, cuba elakkan daripada berkumpul beramai-ramai dan memasukkan berada di kawasan yang mempunyai pengudaraan yang baik.

### Saran ambil dos penggalak

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, turut meminta orang ramai supaya bertanggungjawab mengamalkan kaedah pencegahan asas sebelum ini yang ternyata berkesan mengekang penularan iaitu pemakaian penutup muka terutama di tempat tertutup.

Katanya, ketika ini ramai yang sudah tidak mengendahkan pemakaian penutup muka dan tidak peduli lagi jika bergejala.

"Kini ramai juga yang sudah tidak membuat saringan menggunakan kit ujian pantas (RTK) Antigen dan lebih membimbangkan mereka sudah tidak peduli jika terkena jangkitan COVID-19," katanya.

Oleh itu, beliau berkata, mereka yang berisiko tinggi amat digalakkan mendapatkan suntikan dos penggalak seperti yang disarankan Kementerian Kesihatan (KKM).

Katanya, ini kerana jika selepas ini vaksin COVID-19 perlu mula dibayar serta kekerapan pengambilan yang digalakkan setiap enam bulan, sudah pasti ramai yang enggan mengambil dos itu lagi.

"Saya percaya masyarakat bukan sahaja enggan mengambil vaksin kerana kos yang perlu ditanggung tetapi juga kerana sudah muak untuk berbuat demikian.

"Bagaimanapun, yang paling utama pada saya selain jumlah kes adalah manifestasi kes tersebut kerana yang kita ingin cegah adalah manifestasi penyakit yang serius yang membawa kepada keperluan kemasukan ke hospital.

"Selagi ia masih ringan, saya rasa ini yang kita amat amat harapkan," katanya.

BH semalam melaporkan, kekerapan virus COVID-19 bermutasi menyebabkan antibodi yang terhasil dalam melindungi pesakit daripada mengalami jangkitan berulang.

Tetapi evolusi ia pada asal memang ia amat ganas tetapi akhirnya akan melemahkan diri dan disesuaikan dengan badan manusia dan selagi belum sampai tahap kestabilan ia akan terus bermutasi



Dr Sazaly Abu Bakar,  
Pakar Virologi  
UM

Mereka yang berisiko tinggi amat digalakkan mendapatkan suntikan dos penggalak seperti yang disarankan KKM



Dr Halimatus Sakdiah Minhat,  
Pakar Perubatan  
Kesihatan Awam  
UPM

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, virus penyebab COVID-19 iaitu SARS CoV-2 adalah virus RNA yang sering menghasilkan varian baharu. Jelasnya, antibodi yang terhasil akan mulai berkurangan dalam tempoh tertentu selepas jangkitan.

## Kes denggi naik 8.9 peratus

**Putrajaya:** Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-47 meningkat 8.9 peratus iaitu 1,734 kes berbanding 1,593 pada minggu sebelumnya.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada minggu itu.

Beliau berkata, kumulatif kes demam denggi dilaporkan sehingga kini meningkat 139.1 peratus iaitu 56,304 kes berbanding 23,547 bagi tempoh sama tahun lalu, dengan 37 kematian akibat komplikasi denggi berbanding 18 kematian bagi tempoh sama pada 2021.

"Sebanyak 54 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini ber-

banding 61 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 25 lokaliti hotspot di Selangor, 19 di Sabah, tujuh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, dua di Perak dan satu di Sarawak," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, survelan chikungunya merekodkan 18 kes pada ME ke-47 dengan 11 kes dari Pulau Pinang, Selangor (empat) dan masing-masing satu kes dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan serta Melaka.

"Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 710 kes. Bagi survelan zika, sebanyak 1,939 sampel darah dan 17 sampel urin dijalankan saringan zika dan hasil semuanya adalah negatif," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, taman rekreasi dan taman permainan masih berisiko menjadi tempat punca jangkitan demam denggi kerana mempunyai sampah serta bekas terbiar dibuang di persekitaran.

Katanya, amalan membuang bekas terpakai merata-rata termasuk di tanah lot kosong boleh mengancam kesihatan melalui jangkitan seperti demam denggi dan chikungunya serta menganggu kelestarian alam sekitar.

"Individu yang beriadah di taman rekreasi perlu menggunakan perlindungan diri seperti memakai repelan pada kulit terutama pada waktu puncak gigitan nyamuk iaitu antara jam 5 pagi hingga 7 pagi dan 5 petang hingga 7 malam," katanya.

BERNAMA

## 2,375 jangkitan COVID-19, 11 kematian dilaporkan

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 2,375 kes harian baharu COVID-19 dilaporkan termasuk 11 kes kematian dan empat (4) kes import semalam.

Menurut laman web rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), daripada jumlah itu sebanyak 2,371 kes tempatan manakala empat kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

Daripada kes jangkitan harian baharu yang dilaporkan semalam, Selangor mendahului negeri lain dengan 596 kes, diikuti Kuala Lumpur (254), Kedah (238), Sarawak (176), Sabah (168), Melaka (160), Pulau Pinang (133), Kelantan (131), Pahang

(107) dan Perak (107).

Kes dua angka dilaporkan di Negeri Sembilan (93), Putrajaya (75), Terengganu (73), Johor (43) dan Labuan (16) manakala Perlis mencatat lima kes.

Ia sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 negara meningkat kepada 4,994,534.

Sementara itu, kes aktif COVID-19 adalah sebanyak 24,467 kes dan daripada jumlah itu, sebanyak 22,637 kes (92.5 peratus) dikuarantin di rumah.

Sebanyak 2,857 kes sembuh pesakit COVID-19, menjadikan kumulatif kes sembuh negara setakat ini sebanyak 4,933,381 kes.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : ZON



# Bibir bergetar, mata berkerdip sebab gagap

## Gangguan pertuturan punca bercakap tak lancar beri kesan kepada kesihatan mental

Gagap antara masalah tidak boleh dipandang sepi disebabkan itu seseorang berhadapan dengan gangguan percakapan hingga menjadikan bunyi, suku kata atau perkataan ditulang atau berpanjangan dan mengganggu aliran ucapan normal.

Lebih leceh lagi gangguan pertuturan ini mungkin disertai oleh kesukaran perilaku seperti mata berkerdip dengan cepat atau bibir bergetar.

Justeru, masalah gagap menyebabkan kesukaran seseorang berkomunikasi dengan orang lain atau kefasihan terganggu dan sering mempengaruhi kualiti hidup seseorang.

Ada kajian menunjukkan gagap menyebabkan kualiti kehidupan seseorang itu menurun berpunca daripada beberapa faktor antaranya, kurang fungsi sosial, iaitu mereka malu bersosial dan menonjolkan diri.

Dianggarkan tiga daripada 240,000 penduduk di negara ini mengalami masalah gagap.

### Kesan terhadap emosi

Menurut Pegawai Pemulihan Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia Medical Centre, Asma Fatimah Rasli, masalah gagap ini memberi kesan terhadap fungsi emosi, individu mudah tersinggung dan sedih dengan cara mereka bercakap.

Malah, gagap boleh mengganggu kesihatan mental, iaitu mereka mudah merasa murung dan rasa tersisih.

Biasa dilaporkan seseorang itu mekalkumkan mereka

tidak yakin untuk naik ke atas pentas untuk bercakap di depan orang ramai disebabkan ada masalah gagap.

Keadaan itu digelar sebagai 'typical dysfluencies' atau kekeliruan percakapan biasa.

Namun begitu, ciri-ciri sebenar orang yang gagap, mereka melakukan pengulangan bunyi atau perkataan seperti, "ssss... saya, mama mama mama", pemanjangan perkataan atau bunyi perkataan tersekat-sekat.

"Gagap biasa berlaku kepada kanak-kanak berumur dua hingga enam tahun. Ia boleh berlaku disebabkan mereka sedang mempelajari banyak perkataan baru."

Tetapi, jika gagap ini berlaku lebih daripada enam bulan, ibu bapa diminta berjumpa psikoterapi dan pakar terapi pertuturan," katanya.

"Tetapi, jika gagap ini berlaku lebih daripada enam bulan, ibu bapa diminta berjumpa psikoterapi dan pakar terapi pertuturan," katanya.

### Punca gagap

Asma Fatimah berkata, masalah gagap boleh dikelaskan kepada dua sebab iaitu, masalah perkembangan bahasa dan gagap neurogenik.

Untuk perkembangan bahasa, kanak-kanak berumur tiga hingga lima tahun berpotensi mengalami gagap disebabkan perkembangan pesat bahasa yang mereka pelajari.

Jika gagap berlanjutan

lebih enam bulan, ibu bapa digalakkan untuk mendapatkan intervensi secepat mungkin.

"Faktor genetik juga dilaporkan boleh menyumbang kepada gagap. Satu kajian pada 2013, mendapati kanak-kanak lelaki gagap dari usia kurang tiga tahun dengan sejarah keluarga yang positif

boleh terus gagap jika gangguan ini berlanjutan lebih 12 bulan dan tidak dirawat.

"Gagap neurogenik boleh berlaku selepas strok, jangkitan atau kecederaan otak selepas sesuatu trauma," katanya.

### Kaitan dengan lidah pendek

Menurutnya, kajian menunjukkan gagap berkait rapat dengan masalah 'tongue tie' atau lebih dikenali sebagai 'lidah pendek'.

"Lidah pendek berlaku disebabkan frenulum di bawah lidah pendek, apa akan berlaku adalah pergerakan lidah terhadap dan susah untuk menyebut bunyi dengan baik, contohnya bunyi L, S dan T."

Percakapan mereka agak pelat. Ciri-ciri lidah pendek dan gagap agak berbeza kerana gagap lebih kepada kelancaran percakapan, tetapi lidah pendek lebih kepada bunyi sebutan.

"Tetapi tidak mustahil untuk individu mempunyai kedua-dua situasi sekali-gus," katanya.

### Kesan gagap kepada individu

Kesan jangka pendek kanak-kanak dan remaja, mereka akan berdepan masalah bersosial atau berkawan lebih-lebih lagi jika mereka perlu bertukar sekolah atau kelas.

Rasa malu mahu mulakan bersembang, menjawab soalan di hadapan kelas dan paling sedih semasa ujian lisan di mana mereka perlu bercakap di hadapan guru.

Mereka juga berpotensi dibuli dari segi mental, emosi mahupun fizikal. Bayangkan semasa bercakap, rakan mentertawakan, perlu dan mengutuk.

pastinya terguris hati mereka.

"Bagi kesan jangka panjang adalah cabaran bekerja, bayangkan jika mereka perlu berhadapan dengan pelanggan dan memerlukan mereka bercakap di hadapan orang luar."

"Pasti sangat mencabar dan mengganggu mental dan emosi mereka, seterusnya gagap boleh mengganggu hubungan antara dua insan, mereka yang gagap akan rasa kurang keyakinan untuk memulakan percakapan, banyak latihan dan semangat yang perlu dikumpulkan sebelum bercakap," katanya.

### Langkah mencegah

Selain mengganggu pertuturan, katanya, gagap juga menyebabkan pergerakan badan yang tidak terkawal seperti kelip mata, pergerakan kepala dan pergerakan mulut.

Hal ini akan lebih jelas semasa mereka gelisah, takut, cemas, seronok dan teruja.

"Antara kaedah terapi yang kita boleh lakukan pertama, tenangkan diri sebelum mula bercakap. Jika tenang, boleh susun perkataan dalam minda dengan lebih baik."

Sesi terapi untuk individu juga dijalankan di hadapan cermin supaya individu sedar dan kawal pergerakan badan mereka," katanya.

### Rawatan masalah pertuturan

Beliau berkata, untuk rawatan, lazimnya pakar terapi pertuturan akan mengadakan sesi terapi antaranya dengan menggunakan teknik 'Verbal Feedback Technique', iaitu banyak menggunakan pujipujian terhadap bunyi percakapan, contohnya, 'cantik sebutan adik, what a smooth speech, sedapnya dengar suara adik, wah lancar adik cakap'.

Terapi pertuturan juga akan menggunakan teknik 'slow down speech technique', kaedah ini memerlukan model oleh pasangan berbul dengan menggunakan bunyi dan percakapan perlahan dan menyebut perkataan satu demi satu.

"Contohnya, artis antarabangsa, Marilyn Monroe membesar dengan masalah gagap membesar dengan masalah kegagapan dan menerima terapi pertuturan sejak awal usia."

Disebabkan dia penyanyi bandal, pakar pertuturannya mengajar Marilyn Monroe bercakap menggunakan teknik menyanyi, kaedah ini membantunya lebih yakin bercakap di khalayak ramai," katanya.



**"Ciri-ciri sebenar orang yang gagap, mereka melakukan pengulangan bunyi atau perkataan"**

Asma Fatimah Rasli



Kesan jangka panjang adalah cabaran bekerja, bayangkan jika mereka perlu berhadapan dengan pelanggan dan memerlukan mereka bercakap di hadapan orang luar.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

## KKM tidak pernah peraku ubat atasi diabetes

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) tidak pernah memperakukan mana-mana produk atau makanan yang boleh menggantikan ubatan termasuk insulin merawat diabetes dan mengawal gula dalam darah.

KKM menerusi hantaran di Facebook berkata, pihaknya ingin menafikan perakuan menerusi satu artikel kesihatan dikeluarkan sebuah portal baru-baru ini.

"Kenyataan itu dilihat tidak bertanggungjawab dan gambar

yang digunakan juga telah diubah suai daripada laman sesawang <http://www.myhealth.gov.my> bagi tujuan mengelirukan orang awam.

"KKM menyeru agar masyarakat tidak mudah terpedaya dan terpengaruh dengan kenyataan dan portal yang tidak diketahui kesahihannya," katanya.

Sebelum ini, artikel diterbitkan portal itu mendakwa Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah menge-

syorkan satu produk kesihatan dikenali Insinol yang mampu melawan diabetes.

Jelas artikel itu lagi, ubat berkenaan dikembangkan pada 2022 oleh Institut Endokrinologi Malaysia dan ia mengandungi semua unsur vitamin, makro dan mikro yang paling diperlukan untuk pesakit diabetes.

Insinol juga didakwa mengandungi 28 ekstrak herba yang dikumpulkan dari pelbagai pelusuk dunia.



**KENYATAAN** yang dimuat naik KKM di Facebook semalam berhubung ubat yang mampu atasi penyakit diabetes.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 11  
 RUANGAN : NEGARA



**PENYEMBURAN** asap di kawasan rumah perlu dilakukan seberapa kerap berikutan peningkatan kes demam denggi yang dilaporkan Kementerian Kesihatan. – GAMBAR HIASAN

1,734 kes dilaporkan dari 20 hingga 26 November

## Kes demam denggi terus meningkat

Oleh KAMARIAH KHALIDI

**PUTRAJAYA** – Jumlah kes demam denggi pada Minggu Epidemiologi (ME) 47/2022 iaitu dari 20 hingga 26 November lalu mencatatkan peningkatan sebanyak 141 kes atau 8.9 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pada minggu tersebut, sejumlah 1,734 kes dilaporkan berbanding 1,593 kes pada ME 46/2022, namun tiada kematian dicatatkan akibat komplikasi demam denggi.

Menurutnya, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini berjumlah 56,304 kes berbanding 23,547 kes bagi tempoh sama tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak 32,757 kes (139.1 peratus).

"Manakala sebanyak 37 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 18 kematian

bagi tempoh sama pada 2021.

"Sebanyak 54 lokaliti hotspot dilaporkan minggu ini berbanding 61 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya, dengan 25 lokaliti membabitkan Selangor diikuti 19 lokaliti di Sabah, Kuala Lumpur dan Putrajaya (tujuh), Perak (dua) dan Sarawak (satu)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Dr. Noor Hisham berkata, surveilans chikungunya merekodkan sebanyak 18 kes pada minggu ke-47 dengan 11 kes di Pulau Pinang, empat kes di Selangor dan masing-masing satu kes di Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka.

"Bagi surveilans zika, sebanyak 1,939 sampel darah dan 17 sampel urin telah disaring dan hasil kesemuanya adalah negatif," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, taman rekreasi dan taman permainan masih berisiko men-

jadi tempat punca jangkitan demam denggi kerana terdapat sampah serta bekas-bekas terbiar yang dibuang di persekitaran.

Jelasnya, amalan membuang bekas-bekas terpakai di merata tempat termasuk di tanah lot kosong boleh mengancam kesihatan melalui jangkitan seperti demam denggi dan chikungunya serta mengganggu kelestarian alam sekitar.

Justeru katanya, setiap isi rumah perlu memupuk budaya memelihara kebersihan dengan tidak membuang sampah merata-rata sejak dari kecil agar menjadi kebiasaan di usia dewasa.

"Bagi individu yang melakukan riadah di taman-taman rekreasi, gunakan perlindungan diri seperti memakai repelan pada kulit, terutama apabila melakukan riadah pada waktu puncak gigitan nyamuk iaitu antara pukul 5 hingga 7 pagi dan 5 petang hingga 7 malam," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

# Jumlah kes demam denggi meningkat

Sebanyak 1,734 kes dicatat pada ME ke-47 berbanding 1,593 minggu sebelumnya

PUTRAJAYA

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-47 meningkat sebanyak 8.9 peratus iaitu 1,734 kes berbanding 1,593 pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada minggu tersebut.

Beliau berkata, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah 56,304 kes

berbanding 23,547 bagi tempoh sama tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak 139.1 peratus, manakala sebanyak 37 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 18 kematian bagi tempoh sama pada 2021.

"Sebanyak 54 lokaliti kawasan panas dilaporkan pada minggu ini berbanding 61 lokaliti pada minggu sebelumnya dengan 25 lokaliti berada di Selangor, Sabah (19), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (7), Perak (2) dan Sarawak (1)," katanya dalam kenyataan di sini pada Jumaat.

Dr Noor Hisham berkata, surveilans chikungunya merekodkan sebanyak 18 kes pada ME ke-47 dengan 11 kes dari Pulau Pinang, empat kes dari Selangor dan masing-masing satu kes dari



DR NOOR HISHAM

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan serta Melaka.

"Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 710 kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,939 sampel darah dan 17 sampel urin telah dijalankan saringan

zika dan hasil kesemuanya adalah negatif," ujarnya.

Beliau berkata, taman rekreasi dan permainan masih berisiko menjadi tempat punca jangkitan demam denggi kerana mempunyai sampah serta bekas-bekas terbiar yang dibuang di persekitaran.

Katanya, amalan membuang bekas-bekas terpakai merata-rata tempat termasuk di tanah lot kosong boleh mengancam kesihatan melalui jangkitan se-



Taman rekreasi dan permainan masih berisiko menjadi tempat punca jangkitan demam denggi.

perti demam denggi dan chikungunya serta mengganggu kelestarian alam sekitar.

Oleh itu, Dr Noor Hisham berkata, setiap isi rumah perlu memupuk budaya memelihara kebersihan dengan tidak membuang sampah merata-rata sejak dari kecil agar menjadi kebiasaan ketika usia dewasa.

Menurutnya, individu yang melakukan riadah di taman-taman rekreasi perlu menggunakan perlindungan diri seperti memakai repelan pada kulit apabila melakukan riadah terutama pada waktu puncak gigitan nyamuk iaitu antara jam 5 pagi hingga 7 pagi dan 5 petang hingga 7 malam. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : NEGERI

# Hospital Sultanah Hajah Kalsom lakar sejarah

Berjaya lakukan tiga pembedahan elektif dengan mengaktifkan unit bius

Oleh ROSILAWATI ROSEDI  
CAMERON HIGHLANDS

**H**ospital Sultanah Hajah Kalsom di sini telah melakar sejarah memulakan perkhidmatan kes berisiko rendah melalui pengaktifan unit bius di bawah seliaan pakar bius dari Hospital Kuala Lipis bermula 1 Disember lalu dengan tiga pembedahan sebagai permulaan.

Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, dua kes pembedahan mengeluarkan plat besi daripada tulang melibatkan lelaki berumur 16 dan 18 tahun, manakala satu lagi kes terdiri daripada wanita berumur 22 tahun yang menjalani pembedahan pembersihan tisu-tisu mati di permukaan tulang selepas mengalami patah.

Menurutnya, proses pengoperasian berjalan lancar dan selamat.

Tambah beliau, perkhidmatan seumpama itu adalah yang pertama di Pahang di bawah inisiatif Global Surgery Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Inisiatif ini bertujuan untuk memberi perkhidmatan kepakaran pem-



Penduduk di Cameron Highlands kini boleh menjalani pembedahan berisiko rendah di Hospital Sultanah Hajah Kalsom.

bedahan melibatkan pembiusan am yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat di Pahang Barat, khususnya penduduk Cameron Highlands.

"Atas sokongan Ketua Setiausaha KKM dan Ketua Pengarah Kesihatan KKM, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang ingin memaklumkan bahawa pembedahan secara elektif kes pembiusan am di Dewan Bedah, Hospital Sultanah Hajah Kalsom, Cameron Highlands telah beroperasi secara rasminya," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Ujar beliau, pengoperasian itu telah dimulakan pada 1 Disember lalu dengan bantuan kepakaran dari

Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan dan Hospital Kuala Lipis.

"Setakat ini, perkhidmatan pembedahan yang beroperasi di hospital ini melibatkan kepakaran pembedahan am, ortopedik, ginekologi dan berpotensi untuk ditambah baik pada masa hadapan," tambah beliau.

Sementara itu, Nor Azimi turut berharap dengan adanya perkhidmatan tersebut, masyarakat sekitar Pahang Barat terutama Cameron Highlands mendapat pilihan bagi menjalani prosedur pembedahan untuk kes berisiko rendah di hospital berkenaan.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NATION

## Edging closer to five million cumulative Covid-19 cases

**KUALA LUMPUR:** Covid-19 case numbers have exceeded 4.99 million in Malaysia, while globally, the virus has infected more than 648 million people and caused over 6.64 million deaths.

Some 626 million patients have so far recovered from the infection caused by the SARS-CoV-2 virus.

For the week of Nov 26 to Dec 1, the pandemic, which is now in its third year, affected 228 countries and territories.

In Malaysia, 13,169 new daily Covid-19 cases were reported for the week, down 13% from 15,134 cases for the week of Nov 19 to Nov 24.

New daily cases stood below 3,000 this week and Thursday, with 2,375 new daily Covid-19 cases reported, including 11 deaths, and four imported cases, Bernama reported.

Fifty-one deaths were reported during the week, bringing total cumulative deaths in the country due to Covid-19 to 36,695 cases. The highest figure was reported on Nov 30, at 17 cases.

Of the 2,375 new daily cases reported on Thursday, Selangor had the most at 596 cases, followed by Kuala Lumpur (254), Kedah (238), Sarawak (176), Sabah (168), Melaka (160), Penang (133), Kelantan (131),



**Keeping safe:** People donning face masks for their protection in Bukit Bintang, Kuala Lumpur. — AZMAN GHANI/The Star

Pahang (107) and Perak (107).

Two-digit figures were reported in Negri Sembilan (93), Putrajaya (75), Terengganu (73), Johor (43), and Labuan (16), while Perlis recorded only five.

For the month of November, the lowest case numbers were reported on Nov 20 (1,633) and the highest on Nov 3 with 4,711 cases.

Meanwhile, active Covid-19 cases according to the Health Ministry's

KKMNow portal, which was updated at 11.59pm on Thursday, stood at 24,467 cases and of the total, 22,637 cases (92.5%) were home quarantined.

A total of 2,857 recovered Covid-19 cases were reported yesterday, bringing the cumulative figure to 4,933,381 cases.

With a cumulative figure of 4,994,543 cases, Malaysia is now ranked 27th in the list of 228 coun-

tries/territories hit by the pandemic, with Ukraine and Greece being ahead of Malaysia, with 5,336,293 and 5,404,690 cases respectively.

According to Worldometer, of the list of 228 countries, Japan reported the highest new daily cases (118,201) followed by France (69,253) and South Korea (57,079).

The United States reported the highest number of Covid-19 fatalities, with 1,106,236 cases.

The world's Top 10 nations when it comes to cumulative cases are as follows: the United States at 100,721,252 (+32,480), India at 44,673,984 (+605), France 37,916,052 (+69,253), Germany 36,499,600 (no information on new cases), Brazil 35,336,482 (+31,767), South Korea 27,155,813 (+57,079), Japan 24,911,367 (+118,201), Italy 24,260,660 (no information), the United Kingdom 24,000,101 (no information) and Russia 21,597,613 (+6,785).

South-East Asian nations that are ahead of Malaysia in terms of cumulative case numbers are Vietnam, which is in 13th spot with 11,516,489 (an increase of 581 cases), Indonesia is at 20th spot, with 6,669,821 (up by 4,977).

Thailand fared marginally better at the 31st spot, with 4,707,244 cases, though no information on

new cases were available.

The rest include the Philippines at 38th spot with 4,037,547 cases (+1,238 new cases), Singapore at 45th spot with 2,169,201 (+1,304), Myanmar at 83rd spot with 633,261 (+16), Brunei at 110th spot with 241,044 (no information on new cases), Laos at 113th spot with 216,744 (+51) and Cambodia at 125th spot with 138,106 (+7).

According to Worldometer, total Covid-19 cases globally stood at 648,502,557 (previous week at 645,602,109) with 6,642,532 deaths (6,635,134 deaths previously). A total of 626,258,602 recovered cases were reported from 624,295,755 previously.

Covid-19 was detected in Malaysia on Jan 25, 2020, when three Chinese citizens, who had entered Malaysia through Johor from Singapore on Jan 23, tested positive for the disease.

New variants of the Covid-19 coronavirus have since emerged in the United Kingdom (identified as B.117) in September 2020, South Africa (501Y.V2) in October 2020 and India (B.1.617), also in October 2020.

Cumulatively, Malaysia's Covid-19 cases breached the one-million mark on July 25, 2021, with 1,013,438 cases.

## With dengue on the rise, people told to be vigilant

**PUTRAJAYA:** The total dengue fever reported during the 47th Epidemiological Week (ME) rose by 8.9% or 1,734 cases compared with 1,593 in the previous week, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

No deaths from complications due to dengue fever were reported during the week.

He said the cumulative number of dengue fever cases reported to date was 56,304, compared with

23,547 cases during the corresponding period last year, which is an increase of 139.1%, while the total number of deaths reported from dengue fever during the period this year was 37, up from 18 in 2021.

"There were also 54 hotspot locations identified during this (47th) week, compared with 61 hotspots in the week before, with 25 hotspots in the week before, with 25 hotspots in Selangor, 19 in Sabah, seven in the Federal Territories of

Kuala Lumpur and Putrajaya, two in Perak and one in Sarawak," he said in a statement, reported Bernama.

Dr Noor Hisham said surveillance done on chikungunya recorded 18 cases in the 47th ME, with 11 cases in Penang, Selangor (four), and one each in the Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya, Negri Sembilan and Melaka.

"The cumulative number of chi-

kungunya cases to date is 710 cases. For the Zika surveillance, 1,939 blood samples and 17 urine samples were taken for screening, and the results were all negative," he said.

Recreational parks and playgrounds were still risk areas for dengue fever infection, he said, adding that the bad habit of throwing rubbish indiscriminately is a threat to health.

As such, Dr Noor Hisham said

every household must inculcate the culture of maintaining cleanliness by not throwing rubbish indiscriminately from a young age so that it will become a habit when they reach adulthood.

He said individuals who go to recreational parks must protect themselves by putting on mosquito repellents, especially during peak hours when the mosquitoes are active between 5am and 7am and 5pm and 7pm.